

STRUKTUR SENI BINA MELAYU “TANGGA” DALAM PERIBAHASA MELAYU: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

(MALAY ARCHITECTURE STRUCTURE “STAIRCASE” IN MALAY
PROVERBS: A SEMANTIC INQUISITIVE ANALYSIS)

Muhamad Fadzllah Zaini
muhamadfadzllahhjzaini@gmail.com

Nor Hashimah Jalaluddin
shima@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia.

Published online: 1 January 2019

To cite: Muhamad Fadzllah Zaini and Nor Hashimah Jalaluddin. (2019). Struktur seni bina Melayu “Tangga” dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 1 – 26.

Abstrak

Reka bentuk seni bina Melayu banyak memanfaatkan unsur alam dan dibina berdasarkan falsafah pemikiran masyarakat Melayu. Hubungan antara seni bina dengan pemikiran tergambar pada peribahasa yang diungkapkan oleh masyarakat Melayu. Artikel ini meneliti peribahasa Melayu yang berkaitan dengan struktur seni bina rumah Melayu dari sudut ilmu semantik. Data peribahasa dijana daripada laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (<http://www.prpm.dbp.gov.my/>). Sebanyak 63 peribahasa yang berkaitan dengan pelbagai objek alam benda seni bina berjaya dikumpulkan. Namun, kajian ini hanya menganalisis dan menghuraikan objek alam benda ‘tangga’sahaja kerana peratusan kehadirannya paling tinggi dalam peribahasa, di samping fungsinya yang unik. Analisis kajian menerapkan pendekatan Metafora Rantaian Utama Makhluk (RUM) dan Metonimi spesifik yang melambangkan generik bagi menghuraikan pemetaan kognitif daripada domain sumber yang konkrit kepada domain sasaran yang abstrak. Selanjutnya, pendekatan semantik inkuisitif pula menjawab kewajaran pemilihan

© Dewan Bahasa dan Pustaka. 2019. This work is licensed under the term of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

objek sehingga mencerminkan akal budi Melayu. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya ciri keperibadian manusia yang ditonjolkan melalui objek alam benda 'tangga', iaitu darjat, sikap realistik, dan maruah. Kepentingan tangga dari pelbagai aspek, seperti pembinaan, bahan, komponen dan budaya masyarakat berjaya mencerminkan akal budi Melayu. Kajian yang bersifat rentas disiplin ini berjaya memerikan suatu inovasi terhadap kajian linguistik dan seni bina Melayu.

Kata kunci: semantik inkuisitif, struktur seni bina, alam benda, peribahasa

Abstract

Malay architecture has undergone modifications due to cultural influences and development in its composition. Local architectures are established by natural elements and constructed based on the wisdom of the Malay mind. The relationship between the architecture and the Malay mind is reflected in the proverbs which are crafted by the Malay community. Accordingly, the study attempts to examine the Malay proverbs pertaining to the architectural structure of the Malay house within the framework of semantic theory. The relevant data are generated from Pusat Rujukan Persuratan Melayu Data-Based, Dewan Bahasa dan Pustaka (<http://www.prpm.dbp.gov.my/>). A total of 63 proverbs relating to natural objects of house architecture have been collected. However, this study only analyzes and describes the natural object 'stair' because its occurrence is the highest in the data along with its unique function. The analysis is couched in the Great Chain of being Metaphor and Metonymy symbolizes the generic for describing cognitive mapping from concrete source domain to abstract target domain. Subsequently, the inquisitive semantic approach explains the justifications of selecting the relevant objects, and explicates the reflection of the Malay mind. The findings demonstrate the existence of human personalities, such as status, realistic attitude, and dignity which are exemplified by the natural object 'stair'. The importance of stairs from various aspects, such as construction, materials, components and culture positively reflect the Malay mind. This cross-discipline study successfully offers an innovation in the study of linguistics and Malay architecture.

Keywords: inquisitive semantic, architectural structure, natural object, the Malay proverbs

PENDAHULUAN

Manusia sentiasa berinteraksi dan membuat persepsi tentang alam sekelilingnya (Nor Hashimah, 2014). Asmah (1986) menegaskan bahawa persepsi terhadap alam sekeliling manusia akan menimbulkan penggolongan atau pengkategorian bagi apa-apa yang disaksikannya. Sehubungan dengan itu, daripada pandangan timbullah konseptualisasi yang menjadi lambang bahasa untuk merakamkan fikiran dan pengalaman. Hassan

(2003; 2016) seterusnya menambah bahawa berdasarkan proses konseptualisasi yang dibentuk oleh minda, manusia mentakrif diri, menanggapi alam, membentuk pandangan hidup sejagat dan mencipta tamadun. Daripada pandangan tiga orang sarjana tersebut jelaslah bahawa bahasa mendukung pandangan dunia dan akal budi penuturnya. Apakah yang dimaksudkan dengan akal budi? Akal budi menurut Nor Hashimah (2014) bukan sahaja mempunyai akal secara lahiriah tetapi menggunakan cerapan pancaindera yang tajam dan dikaitkan dengan pemahaman yang mendalam, berfikiran waras, rasional untuk menuturkan bahasa, dan bijak mengungkap dan mentafsirkan makna. Pemahaman tentang akal budi Melayu memerlukan “mata hati” kerana banyaknya ungkapan berkias yang menuntut kognitif aras tinggi untuk memahaminya. Akal budi dapat dikaitkan dengan kebijaksanaan penuturnya. Oleh itu, interaksi dengan alam sekitar dan masyarakat membantu meningkatkan lagi pemahaman untuk mengenali akal budi Melayu. Menurut Nor Hashimah (2014) lagi, bahasa tersirat banyak terakam dalam pantun, peribahasa, dan gurindam yang dianggap sebagai ketinggalan zaman oleh sesetengah orang sebenarnya menjadi medan untuk mengasah minda Melayu. Kehebatan pemikiran saintifik Melayu yang menggunakan ungkapan kiasan ini menuntut pemahaman yang mendalam bagi mendapatkan tafsiran yang tepat dan memahami falsafah di sebalik penggunaan ungkapan dan makna yang hendak disampaikan. Malah, maklumat budaya yang melingkungi masyarakat Melayu tidak boleh disisihkan. Meskipun artikel ini berkisar tentang linguistik, namun pendekatan yang mapan berasaskan data, teori, kognitif, falsafah dan budaya mampu mencungkil akal budi penutur Melayu.

Antara penggunaan bahasa yang kurang diberikan perhatian dalam sosiobudaya masyarakat Melayu termasuklah seni bina. Pelibatan masyarakat dapat dilihat menerusi aktiviti gotong-royong untuk membina rumah Melayu tradisional. Menurut Othman (2013), rumah merupakan perkataan Melayu yang tertua. Masyarakat Melayu menganggap rumah sebagai tempat yang menjadi milik mereka di muka bumi, iaitu hak milik penghuni. Di samping itu, dari sudut psikologi pula, rumah membekalkan pelbagai keperluan naluri; memberikan rasa aman, tenteram dan harmoni; dan menjadi tempat mengasuh, mengasih dan mendapat ketenangan jiwa (Othman, & Abdul Halim, 2000).

Sungguhpun terdapat catatan awal pengembara Barat ke Tanah Melayu pada abad ke-16 hingga 19 Masihi, namun mereka tidak memberikan penghuraian terperinci tentang rumah orang Melayu yang mereka saksikan (Othman, 2013). Abdullah Munsyi (1938) pernah membuat catatan tentang sejarah seni bina Melayu semasa pelayarannya. Beliau mengatakan bahawa masyarakat Melayu pada zaman itu mempunyai tahap tamadun yang baik. Mereka mempunyai rumah dalam kelompok yang dibina berhampiran dengan

sungai dan laut. Rumah yang dibina biasanya mempunyai kaitan dengan faktor alam sekitar pada waktu itu. Beliau juga menceritakan bahawa pembinaan seni bina Melayu amat ringkas. Sumber bahan utamanya bergantung pada alam semula jadi yang mudah diperoleh, berada di sekitar kawasan kediaman mereka, dan teknologi pembuatannya mudah dan ringkas. Segala objek benda yang dicipta bagi pembinaan seni bina Melayu berasaskan sumber alam sekeliling. Hal yang sama ditegaskan juga oleh Nangkula, & Kamarul Afizi (2009), Mastor *et al.* (2012) dan Noor Faizah *et al.* (2014) berkenaan dengan aspek seni bina Melayu yang meliputi iklim, bahan binaan, budaya, keselamatan, keselesaan, serta kaedah binaan yang menyumbang kesejahteraan kepada penghuni rumah Melayu tradisional. Othman (2013) mengklasifikasikan struktur seni bina sebagai komponen penting dalam rumah Melayu tradisional. Antara struktur tersebut adalah seperti tangga, tiang, dinding, rasuk, pintu, bumbung, dan lain-lain. Struktur ini mempunyai fungsinya dan mengandungi falsafah di sebalik pembinaannya.

Kajian ini akan membincangkan struktur seni bina Melayu yang terakam dalam peribahasa Melayu. Struktur seni bina ini diklasifikasikan sebagai objek alam benda yang direka, dibuat dan diolah berdasarkan penggunaan harian manusia. Objek yang difokuskan ialah tangga sebagai elemen terpenting. Daripada hasil pemerhatian, objek tangga ini memiliki sifat dan tingkah laku manusia kerana faktor keperluan dalam hidup manusia jelas diutamakan seperti budaya dan adab. Kesan melangkaui objek ini akan memberikan impak terhadap keselesaan dan keselamatan manusia. Gambaran yang memberikan nilai keperibadian manusia dapat dilihat dengan jelas dalam peribahasa selain nilai fungsi objek. Oleh itu, kajian dibincangkan berdasarkan suatu kaedah analisis peribahasa yang berpandukan semantik inkuisitif yang mengandungi tiga tahap, iaitu makna harfiah peribahasa; makna kognitif; dan makna inkuisitif (akal budi Melayu). Penggunaan pendekatan semantik inkuisitif membenarkan cabang multidisiplin digunakan bagi membantu proses pencungkilan akal budi Melayu. Di samping itu, penggunaan Metafora Rantaian Utama Makhlu (selepas ini digunakan singkatan RUM) dan Metonimi SPESIFIK MEWAKILI YANG GENERIK diaplikasikan pada tahap kedua, iaitu semantik kognitif. Selanjutnya, garapan pendekatan semantik inkuisitif diaplikasikan untuk mentafsir ruang mental dan seterusnya mencungkil akal budi Melayu melalui peribahasa yang berkaitan dengan struktur seni bina.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pelbagai permasalahan yang terdapat dilihat dan dihalusi menerusi kajian terdahulu. Sehingga tahun 2017, banyak kajian peribahasa dan semantik yang dijalankan memerihalkan semantik-kognitif dan akal budi. Kajian yang dilakukan ini tidak

menafikan sumbangan sarjana terdahulu, namun fokus kajian yang diberikan lebih bersifat multidisiplin, iaitu mengaitkan peribahasa dengan seni bina Melayu. Tatkala masih ramai ahli masyarakat memandang rendah nilai peribahasa, sarjana sentiasa bangkit mencari kerelevanan makna, kognitif dan akal budi menerusi peribahasa. Kajian Imran Ho (2011), Zaitul Azma, & Ahmad Fuad (2011), Hishamudin, & Nor Diyana (2012), Saidatul Nornis, & Mohd. Rasdi (2013), dan Nurul Nadia, & Sabariah (2014), Hishamudin, & Mashetoh (2015), Junaini, Nor Hashimah, & Wan Nurasikin (2016), Muhamad Fadzllah (2017), Julaina, Nor Hashimah, & Junaini (2017) dan Nor Hashimah (2018) menghuraikan peribahasa dari pelbagai aspek.

Kajian klasik peribahasa pada peringkat awal hanya menumpukan aspek makna peribahasa secara harfiah sahaja, kemudian mula bergerak ke arah meneliti objek peribahasa seperti kajian tentang flora dan fauna (Nurul Nadia, & Sabariah, 2014), haiwan (Imran Ho, 2011), serta objek berpasangan (Nor Hashimah, 2014) dalam peribahasa yang menarik, kajian peribahasa mengorak langkah daripada makna harfiah kepada makna kognitif dan berteraskan teori. Kajian sarjana tersebut jelas mengaplikasikan semantik berasaskan kognitif (semantik kognitif, teori relevans) yang cuba menjawab persoalan hubungan peribahasa dengan minda pada tahap abstrak. Kemudian peribahasa ini diberikan nilai dan rumusan mengikut interpretasi masing-masing. Seterusnya, kajian peribahasa dimantapkan lagi dengan kajian pada tahap akal budi melalui semantik inkuisitif. Perkara ini dapat dilihat dalam kajian semantik inkuisitif seperti elemen dualisme (Julaina, Nor Hashimah, & Junaini 2016), gastronomi (Julaina, Nor Hashimah, & Junaini, 2017), ikan (Junaini, Nor Hashimah, & Wan Nurasikin, 2016), peralatan rumah (Nor Hashimah, 2018) dan banyak lagi. Semantik inkuisitif bertitik tolak daripada pandangan Asmah (1986), Azhar (1993) dan Hassan (2003). Azhar (1993) menyatakan bahawa orang Melayu tidak boleh beranggapan apa-apa yang datang dari Barat semuanya sesuai dengan bahasa Melayu. Hal ini dibangkitkan oleh Asmah (1986). Sementara itu, Hassan (2003) menegaskan bahawa pemikiran Melayu bersifat holistik dan tidak memisahkan idealisme dengan realisme. Dengan kata lain, pemikiran Melayu berupa suatu sistem pandangan hidup bangsa Melayu atau sistem rangkaian sosial pemikiran Melayu yang melalui evolusi sosial. Metafora atau bahasa kiasannya bersifat interpretatif dan selalunya ditafsir secara hermeneutik (mengikut prinsip interpretasi), iaitu apabila ingin mentafsir sesuatu yang abstrak, maka akan ada ruang mental (*mental space*) untuk diperluas. Ruang mental tersebut membolehkan manusia meluaskan tafsiran dan memperoleh makna sebenar metafora atau bahasa kiasan. Semasa proses ini berlangsung, maklumat budaya dan sosiologi penutur membantu mentafsir dengan lebih lanjut demi memenuhi ruang mental yang kabur. Ringkasnya, setelah berlaku pemetaan

antara domain sumber dengan sasaran, masih ada satu lagi peringkat pentafsiran yang dikenali sebagai ruang mental. Dalam ruang inilah maklumat budaya dan ilmu lain memainkan peranan untuk membantu memperoleh makna sesuatu peribahasa atau metafora. Konsep ruang inilah yang cuba dijawab oleh pendekatan semantik inkuisitif. Terdapat dua keistimewaan semantik inkuisitif, iaitu boleh memandu tafsiran yang masih berada di ruang mental hingga tercapai akal budi penuturnya dan mampu membuka ruang kepada ilmu lain dan menjadikan tafsiran bahasa Melayu lebih bersifat multidisiplin. Contohnya, peribahasa boleh dikupas dengan gandingan ilmu gastronomi, seni bina, ekonomi, dan sebagainya.

Bersandarkan keistimewaan kedua, kajian ini akan mengisi kelompangan yang sedia ada, iaitu memfokuskan peribahasa dalam struktur seni bina Melayu. Penggunaan objek alam benda agak jarang-jarang diketengahkan dalam pembentukan peribahasa Melayu. Selalunya kajian berkenaan dengan unsur flora dan fauna banyak diketengahkan. Oleh hal yang demikian, kajian terhadap objek alam benda dalam struktur seni bina Melayu akan diketengahkan bagi mencungkil akal budi berasaskan peribahasa.

Sebelum ini, kebanyakan kajian seni bina melihat aspek ukiran, susun atur pelan rumah tradisional, sejarah, undang-undang, budaya, dan pelbagai aspek lain lagi. Kajian tersebut hanya melihat perspektif budaya dan seni bina sahaja tanpa melihat keseluruhan elemen yang mempengaruhi alam bina Melayu. Ilmu seni bina terdahulu bukan sahaja semakin terhakis akibat pengaruh budaya moden, malahan kajian tentang rumah tradisional juga kurang mendapat perhatian (Mohd. Firrdhaus, 2016). Kajian Siti Norlizaiha (2005), Mastor *et al.* (2009), Muhamad Suhaimi, Anuar, & Mohd. Dani (2011), Othman (2013), Mohamad Hanif, Shamsidar, Mawar, & Abu Bakar (2015), dan Noor Hayati, Shahrul Kamil, & Mastor (2016) masih menonjolkan seni bina Melayu melalui pembinaan, ukiran, serta pengaruh struktur melalui adat dan kedaerahan yang terdapat dalam seni bina Melayu.


Berlainan di Barat, kajian yang mengaitkan seni bina dengan semiotik mula dijalankan. Hershberger (1975), Taurens (2008) dan Simitch, & Warke (2014) mengkaji makna seni bina, semantik falsafah, semiotik dan pragmatik dalam interpretasi bahasa lisan bagi seni bina sesebuah bandar mahupun tamadun. Ternyata tiga jenis kajian tersebut tidak menyentuh kajian makna peribahasa yang berkaitan dengan seni bina. Bersandarkan data peribahasa yang menonjolkan struktur rumah Melayu seperti tangga, bumbung, pasak, tingkap, jenang dan pintu, maka kajian ini cuba meneroka perkaitan antara peribahasa dengan seni bina. Kajian ini melangkaui makna harfiah peribahasa dan pada masa yang sama cuba mencungkil akal budi atau kebijaksanaan Melayu yang memanfaatkan objek alam benda, iaitu tangga menerusi semantik inkuisitif.

Kerangka Teori

Pendekatan semantik inkuisitif dikemukakan atas dasar ingin meneroka kehebatan akal budi Melayu. Hasil kajian Nor Hashimah (2014) membuktikan bahawa wujud makna khusus dan tidak khusus pada makna ujaran Melayu. Hal ini dapat dilihat pada data nahu, bunyi, perkataan dan ungkapan. Pendekatan semantik inkuisitif bermula dengan meneliti beberapa kelemahan analisis semantik yang lalu, iaitu semantik skrip (peringkat harfiah) dan semantik resonans (peringkat kognitif) (Junaini, 2015). Segala yang melibatkan bahasa, budaya dan pemikiran diolah hanya berteraskan pemahaman mereka berdasarkan skrip (dokumen) dan pemerhatian. Semantik skrip ini mentafsir makna secara permukaan (harfiah) berdasarkan teks atau skrip yang menggambarkan masyarakat Melayu secara menyeluruh. Contohnya, kajian Swettenham yang memerhati kehidupan orang Melayu di sepanjang Sungai Perak lalu membuat rumusan tentang orang Melayu (Zubaidah, 2011). Oleh itu, dirumuskan bahawa pemerhatian berdasarkan interpretasi peribadi selalunya tidak tepat dan tersasar.

Seterusnya, kajian semantik berkembang ke peringkat semantik resonans yang berasaskan kognitif. Pada peringkat ini, kajian mengambil kira data empirik (pengalaman), kerangka teori dan mengaitkannya dengan kognitif penutur. Semantik resonans berupaya menjelaskan dengan lebih mendalam tentang makna yang hendak ditafsirkan. Pada peringkat ini tafsiran dilakukan dengan cuba mengaitkan data, teori dan kognitif penutur. Pada tahap resonans, iaitu makna kognitif, pengkaji boleh memilih mana-mana teori yang berkaitan dengan kognitif. Analisis boleh bersandarkan sama ada teori relevans atau semantik kognitif. Oleh itu, kajian ini memanfaatkan Metafora RUM dengan memerikan tatatingkat rangkaian utama makhluk yang bertindak sebagai hierarki RUM, iaitu tuhan, malaikat, manusia, haiwan, tumbuhan, dan objek untuk mencungkil makna kognitifnya (rujuk Rajah 1).

Berdasarkan Rajah 1, Model RUM menyasarkan segala objek dan entiti RUM membentuk suatu sistem berhierarki dengan setiap makhluk dan benda pada suatu kedudukan sewajarnya yang tidak berubah pada rangkaian itu. Tuhan berada pada tahap yang paling tinggi dalam rangkaian, diikuti oleh malaikat, manusia, haiwan, tumbuhan dan objek. Objek dibahagikan kepada tiga, iaitu objek kompleks (molekul, kuman, serta perkara yang kecil dan kompleks), objek alam fizikal (sungai, gunung, tebing, tenaga alam, dan lain-lain) dan objek alam benda (segala benda yang diciptakan oleh manusia) (Krikman, 2007). Krikman (2007) memerihalkan objek alam benda seperti artifak, peralatan manusia dan objek tinggalan zaman dahulu. Dalam kajian ini, objek alam benda dilihat dalam struktur seni bina Melayu yang diklasifikasikan oleh Othman (2013) kepada tangga, dinding, tiang, rasuk, pintu dan tingkap.



Rajah 1 Hierarki RUM.
(Sumber: Krikmann, 2007)

Model RUM diperkukuh dengan metonimi SPESIFIK MEWAKILI YANG GENERIK. Hassan (2003; 2016) dan Ibanez-Moreno (2005) mengutarakan dua bentuk pemetaan projeksi/unjuran yang berlaku dalam ruang mental manusia. Pertama, pemetaan projeksi/unjuran ini memindahkan dari alam luar yang nyata kepada alam abstrak (dalam kognitif penutur). Keduanya, pemetaan projeksi/unjuran berdasarkan alam pengalaman (konteks sosiobudaya) dipetakan kepada alam abstrak (konseptual). Dalam hal ini, metonimi SPESIFIK MEWAKILI YANG GENERIK ditonjolkan menerusi proses perkembangan metonimi domain sumber sesuatu metafora bertanggungjawab membekalkan kandungan makna yang relevan bagi membina pemetaan metafora, yang seterusnya menghasilkan satu ruang umum (domain sasaran) untuk dilakukan interpretasi (Ruiz de Mendoza, 1999).

Sungguhpun begitu, makna sebenar tidak dapat dijawab dengan hanya menggunakan model RUM dan metonimi SPESIFIK MEWAKILI YANG GENERIK kerana ketersiratan makna dalam bahasa Melayu bukan hanya berlaku secara kognitif dan abstraksi pengalaman inderawi, tetapi terdapat unsur lain yang turut mendasarinya. Sehubungan dengan itu, pendekatan semantik inkuisitif diperkenalkan bagi mentafsir makna dengan menggabungkan maklumat data, teori, kognitif, falsafah dan budaya yang akhirnya berjaya mencungkil kebijaksanaan atau akal budi kepada makna yang dikaji (Nor Hashimah, 2014).

Hasrat Nor Hashimah (2014) adalah untuk membuktikan bahawa makna yang dikaji mampu melampaui makna harfiah dan makna kognitif sehingga mampu mencungkil akal budi penuturnya menerusi pendekatan semantik inkuisitif. Dalam hal ini, pendapat Hassan (2016) juga perlu diberikan perhatian:

Dalam bahasa Melayu, terdapat istilah yang lebih luas maknanya daripada setakat

makna intelektual, iaitu akal budi atau “kehalusan akal” yang menandakan pandangan Melayu tentang betapa eratny hubungan bahasa dengan budaya atau adab Melayu.


(Hassan, 2016: p. 105)

Hassan (2016) menghuraikan bentuk pemikiran masyarakat Melayu untuk membentuk makna implisit melalui metafora. Tiga proses yang merangkumi perkara utama, iaitu (1) metafora dan hasilnya apabila pemikiran Melayu terbentuk melalui proses pengalaman, akliah dan renungan, serta intuisi atau rasa hati sekali gus; (2) metafora Melayu dibentuk oleh manusia yang bijak dan pantas fikirannya; dan (3) metafora Melayu menghasilkan suatu sistem pandangan hidup bersama bangsa Melayu atau sistem rangkaian sosial pemikiran Melayu yang melalui evolusi sosial. Pembentukan metafora ini memerlukan pemikiran aras tinggi untuk menjelaskan perkara yang perlu diisi dalam ruang mental, terutama apabila hendak mentafsir ujaran yang bersifat kiasan mahupun metafora. Adunan daripada pendapat Asmah (1986), Azhar (1993) dan Hassan (2003) membolehkan Nor Hashimah merangka struktur yang mudah untuk difahami. Pemahaman makna akal budi mesti mengambil kira tiga tahap analisis seperti yang dijelaskan dalam Rajah 2.

Menerusi Rajah 2, pendekatan ini disesuaikan dengan tatacara dan peringkat yang dinyatakan terhadap semantik inkuisitif. Terdapat tiga perkara yang perlu dibincangkan dan dihuraikan dalam peribahasa Melayu. Pertama, membincangkan perilaku peribahasa dengan melihat kata dan tafsiran maknanya secara harfiah. Kedua, analisis semantik kognitif dengan aplikasi Metafora Rangkaian Utama Makhluk (RUM) digunakan (Lakoff, & Turner, 1989; Kovesces, 2002). Ketiga, analisis makna pada peringkat inkuisitif sehingga tercungkilnya falsafah dan akal budi menerusi objek yang dipilih.

DATA KAJIAN

Sumber data peribahasa Melayu dicapai menerusi laman sesawang www.prpm.dbp.



Rajah 2 Pendekatan semantik inkuisitif kajian struktur seni bina Melayu.

gov.my untuk merujuk *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* oleh Abdullah Hussain (2004). Rasionalnya, peribahasa dipilih kerana bentuk ujarannya melambangkan kebijaksanaan masyarakat Melayu. Aspek seni bina dapat dikesan penggunaannya dalam peribahasa Melayu (Lihat Jadual 1) Hal ini selari dengan konsep seni bina masyarakat Melayu yang menggambarkan pandangan hidup masyarakat terhadap alam sekeliling (Waterson, 1990). Mohd Yusof (2012), juga menegaskan bahawa seni bina ialah karya seni rupa Melayu yang tidak dapat dipisahkan daripada falsafah, tamadun, minda (akal), dan inovasi masyarakat Melayu. Oleh itu, dirumuskan bahawa seni bina dimanifestasikan melalui peribahasa untuk menzahirkan nasihat dan teladan seiring dengan perkembangan sains teknologi Melayu terdahulu.

Jadual 1 Contoh peribahasa dengan struktur seni bina.

Peribahasa	Maksud
<i>Naik tangga dari bawah</i>	Menurut darjat dan kedudukan masing-masing; menurut aturan yang lazim.
<i>Bagai jatuh ditimpa tangga</i>	Mendapat kesusahan yang berturut-turut.
<i>Besar pasak daripada tiang, besar sendal daripada gelegar</i>	Belanja lebih besar daripada pendapatan.
<i>Di bawah lantai nan tiris</i>	Seseorang yang mendapat kehinaan, merasa dirinya rendah sekali.
<i>Gar-gar, kata gelegar, rasuk juga yang menahannya</i>	Memang mudah menyuruh berbuat begitu, tetapi yang sukar ialah yang mengerjakannya.
<i>Bagai pintu tak berpasak, perahu tak berkemudi</i>	Sesuatu yang membahayakan.
<i>Sepantun kasau dengan bumbung</i>	Suami isteri yang sangat berkasih-kasih, persahabatan yang sangat karib.

Othman (2013) membahagikan struktur rumah Melayu kepada tiga bahagian utama, iaitu tiang, dinding dan bumbung. Seterusnya, pecahan tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian utama dengan mengambil kira beberapa struktur penting dalam seni bina rumah Melayu. Pecahan tersebut adalah seperti

yang dipaparkan dalam Jadual 2:

Jadual 2 Kekerapan peribahasa dalam struktur seni bina.

Bil	Struktur Seni Bina	Jumlah Peribahasa	Peratus
1	tiang	6	9
2	rasuk	7	11
3	lantai	12	19
4	tangga	13	21
5	dinding	9	14
6	pintu	8	13
7	bumbung	8	13
Jumlah		63	100

Berdasarkan Jadual 1, jumlah kekerapan peribahasa dalam struktur seni bina Melayu secara keseluruhannya adalah sebanyak 63 peribahasa. Kekerapan yang tertinggi ialah “tangga”, iaitu sebanyak 13 peribahasa (21%), diikuti oleh “lantai” (19%), dan “dinding” (14%). Objek “pintu” dan “bumbung” pula berkongsi jumlah yang sama, iaitu 13%, manakala “rasuk” (11%) dan “tiang” (9%). Tangga merupakan struktur penting yang dibina untuk turun dan naik ke dalam rumah (Othman, 2013). Selain itu, Mastor Surat *et al.* (2009) pula menyatakan bahawa kepulauan Melayu yang sering dilanda banjir dan hujan lebat mempengaruhi reka bentuk rumah Melayu. Di samping itu, struktur seni bina rumah Melayu yang mempunyai lantai yang tinggi memerlukan tangga sebagai struktur terpenting bagi pergerakan keluar dan masuk ke dalam rumah. Menurut Zulkifli (1996) dan Othman (2013), kepentingan tangga memberikan kelainan dalam seni bina rumah Melayu tradisional. Perbezaan aras lantai menjadikan tangga sebagai laluan yang menghubungkan aras lantai yang berbeza dan memberikan suatu perspektif keunikan terhadap akal budi Melayu dalam peribahasa.

PERBINCANGAN

Bagi memastikan analisis ini tepat, maka kajian ini berpaksikan tiga objektif, iaitu mengenal pasti peribahasa yang menggunakan struktur seni bina Melayu; menganalisis pemetaan Metafora Rangkaian Utama MakhluK (RUM) dalam peribahasa yang berkaitan dengan struktur seni bina Melayu dan menghuraikan pemilihan objek, kognitif dan akal budi melalui struktur seni bina rumah Melayu menggunakan

semantik inkuisitif. Dua data diketengahkan dan dianalisis hingga mencapai akal budi Melayu.

Data 1: “BAGAI JATUH DITIMPA TANGGA” – berturut-turut mendapat kesusahan

Tahap Pertama: Makna Harfiah

Pada tahap pertama ini, peribahasa dan makna harfiah dikupas berdasarkan situasi budaya Melayu. Contohnya, peribahasa “jatuh ditimpa tangga” membawa maksud “berturut-turut mendapat kesusahan”. Penggunaan leksikal dalam pembentukan peribahasa juga memberikan gambaran tentang makna harfiah. Seperti “jatuh” yang merujuk terlepas ke bawah, “timpa” pula diselarikan dengan tekanan atau sangat rapat (Abdullah, 2007), manakala tangga ialah objek alam benda yang berat dan keras sifatnya. Oleh itu, peribahasa tersebut bermaksud orang yang mendapat kesusahan berturut-turut, iaitu setelah jatuh ditimpa pula oleh objek yang berat dan keras. Dengan kata lain, konteks dan budaya masyarakat Melayu diperlukan untuk menjelaskan makna peribahasa dari sudut kognitif.

Tahap Kedua: Makna Kognitif

Pada peringkat kedua, semantik kognitif memerlukan perhatian terhadap konsep dan konteks yang diprojskikan berdasarkan objek alam benda, iaitu “tangga”. Secara keseluruhannya, objek dalam tatatingkat metafora RUM berada pada kedudukan paling bawah tetapi mewakili sifat manusia yang berada pada aras yang paling atas kerana objek alam benda merupakan hasil kebijaksanaan masyarakat Melayu yang berasaskan sosiobudaya Melayu. Oleh itu, ciri keperibadian, tingkah laku, serta sifat khusus dan umum dipetakan nilai manusia melalui objek tangga. Peranan metafora RUM ini membenarkan gambaran makna melalui budaya diterapkan dalam pemetaan. Hassan (2003) dan Ibanez-Moreno (2005) menjelaskan skema pemetaan yang digambarkan menerusi metafora terkandung dalam peribahasa Melayu. Pemetaan ini memproses konteks dan konsep terhadap domain sasaran. Sebagai contoh, Rajah 3 menunjukkan pemetaan projeksi peribahasa “jatuh ditimpa tangga”. Berdasarkan pemetaan projeksi Rajah 3, tingkah laku manusia ditonjolkan menerusi “jatuh” dan “ditimpa”. Domain sumber “jatuh” dipetakan sebagai kekurangan akibat kesan tindak balas kehidupan, manakala “ditimpa tangga” dipetakan sebagai orang yang dalam kesusahan. Wujud kesinambungan antara “jatuh”, iaitu konsep seseorang yang mengalami kesusahan atau derita dengan “tangga” yang digambarkan sebagai objek yang berat, memiliki ciri yang teguh, serta sukar dilentur dan berpaling (anak

Sumber	Pemetaan	Sasaran
jatuh		kekurangan
ditimpa tangga		orang yang susah

Rajah 3 Pemetaan projeksi “jatuh ditimpa tangga”.

tangga). Konteks budaya sangat diperlukan bagi memberikan gambaran situasi ini. Latar pengetahuan yang merujuk reka bentuk dan sumber bahan tangga amat menyumbang proses projeksi ini.

Sebagai pengukuhan, kewajaran menggunakan data korpus membantu menjelaskan hubungan pemilihan objek dengan konteks penggunaannya. Data korpus menunjukkan perkaitan kognitif antara peribahasa “jatuh ditimpa tangga” dengan nasib masyarakat seperti dalam konteks petikan di bawah.

... akan hal umat2 dunia yang berkemajuan seperti Eropah, Jerman, Itali dan lain2 tidak kurang mempunyai pemimpin yang mengelola dan menguruskan barang sesuatu hal pergerakan hamba rakyatnya yang mana nasib hamba rakyat itu diperbaiki sehabis2 molek maka apakah halnya umat kita di semenanjung yang sekecil ini, sudahlah kekurangan atas serba serbi hal ihwal, ditokok pula dengan ketiadaan pemimpin yang berbahagia, maka dengan tidak syak lagi tentulah bernasib seperti jatuh tangga timpa***tangga*** ...

(Saudara 1937: p. 9)

Melalui baris ayat “sudahlah kekurangan atas serba serbi hal ihwal, ditokok pula dengan ketiadaan pemimpin yang berbahagia” menunjukkan dua perkara yang diberikan penekanan terhadap masalah yang berlaku dan hal ini digambarkan sebagai “jatuh tangga timpa tangga”. Perbuatan ini selari dengan peribahasa “jatuh ditimpa tangga” kerana malang dan kesakitan datang secara terus-menerus. Penggunaan data korpus ini menunjukkan bahawa peribahasa tersebut digunakan dalam konteks bahasa sebenar. Perkara ini terpakai bagi menyokong konsep kekurangan dan kesusahan akibat masalah yang timbul dalam kehidupan masyarakat mahupun individu. Kedua-dua ungkapan “kekurangan” dan “ketiadaan pemimpin” boleh dianggap mempunyai pertalian kognitif dengan peribahasa tersebut. Meskipun demikian, lebih malang lagi jika konsep “jatuh ditimpa tangga” benar-benar berlaku dalam kehidupan manusia. Berdasarkan analisis, jelaslah bahawa makna peribahasa mempunyai kaitan yang amat rapat dengan kognitif pendengarnya.

Tahap Ketiga: Semantik Inkuisitif

Pada tahap ketiga, peranan semantik inkuisitif menghuraikan perkaitan antara objek, kognitif dengan akal budi Melayu melalui peribahasa “jatuh ditimpa tangga”. Persoalannya, mengapakah objek “tangga” dipilih dan digunakan dalam peribahasa Melayu. Apakah hubungan kognitif sehingga menzahirkan tangga sebagai orang yang susah? Bagaimanakah bentuk hubungan tangga dengan nilai keperibadian manusia sehingga membentuk akal budi Melayu? Dalam hal ini, ilmu seni bina amat diperlukan untuk menjelaskannya. Perkara yang perlu diketengahkan ialah pembinaan tangga yang mengalami perubahan dari masa ke masa berdasarkan reka bentuk, fungsi dan sumber bahan. Istimewanya, pengukuhan struktur tersebut ialah beban yang dialirkan dan kekuatan alat tersebut. Pertama, pembinaan tangga merujuk jenis tanah sama ada lembap atau kering. Pemilihan kaki tangga sebagai asas penting bertujuan untuk mengalirkan beban terus ke tanah. Pembinaan tangga sangat unik kerana memiliki sokongan bebannya tanpa mengalirkan beban ke tiang rumah.

Menurut Zulkifli (1996), tangga zaman dahulu yang terdiri daripada kayu bulat diikat dengan rotan, manakala perubahan teknologi dan pemikiran menghasilkan tanggam sebagai sokongan dalam pembuatan tangga. Azhar (2013) menyatakan tangga mempunyai dua komponen penting, iaitu paha tangga dan anak tangga. Tangga yang sudah siap dibina disandarkan pada bendul pintu untuk menghubungkan tangga dengan bukaan rumah. Bagi tangga yang menggunakan kaedah ikatan perlu dirapikan kerana takut memberikan kesan kepada penghuni atau tetamu. Seperti ungkapan Tenas (1985) yang memerihalkan ikatan tangga sebagai:

Belit bercengkam tali tangga
lilit selari sambung bersambung
dari atas turun ke bawah
ikat bercengkam bersimpul mati
kalau ya dipakai
Bila tidak dibuang
tak bertelingkah cakap di rumah
tak kerit padi di ladang

Ungkapan ini menunjukkan nilai fleksibel tangga kayu pada zaman dahulu yang boleh dibuka dan dialihkan bagi kegunaan lain. Ikatan tali perlu kuat supaya anak tangga tidak lari daripada landasan kedua-dua belah paha tangga. Kelemahan tangga memberikan kesan kepada penghuni sama ada jatuh dari atas tangga atau menyukarkan laluan

turun dan naik. Selain itu, terdapat juga tangga yang menggunakan tanggam sebagai sambungan yang mengetengahkan konsep “memangku anak”. Hal ini ditunjukkan dengan melihat gambaran kedua-dua belah paha digunakan untuk menyokong dan menstabilkan kedudukan anak di dalam pangkuan. Menerusi ungkapan Tenas (1985), sambungan tanggam menggunakan konsep “memangku anak” dijelaskan sebagai:

Tanggam memangku anak tangga
Bagai memangku anak tidur
Yang berat tidak melendan
Yang ringan tidak menyeman

Perkara yang perlu diketengahkan ialah sifat tangga yang fleksibel dan hanya disandarkan pada bendul pintu. Bagi menarik perbincangan tentang makna orang yang susah berdasarkan peribahasa “jatuh ditimpa tangga”, penonjolan kesan jatuh dan ditimpa tangga dipamerkan. Pembuatan tangga pula hendaklah kukuh dan boleh digunakan dalam tempoh masa yang lama. Tenas (1985) pernah membicarakan kekuatan tangga dan kesan mengikuti segala aspek pembinaannya sebagai:

Pangkal kayu sebelah kanan
Ujung terletak di sebelah kiri
Tak bersilang adik beradik
Tak menyungsang sampan dikayuh
Tak terkejut tengah malam
Tak tergepar orang di banjar

(Tenas, 1985: p. 32)

Ungkapan pada baris tiga hingga enam menunjukkan kesan jika dibina tangga dengan betul. Baris ungkapan “tak bersilang adik beradik”, “tak terkejut tengah malam” dan “tak tergepar orang di banjar” memerikan kesan betapa kukuhnya anak tangga daripada jatuh ke tanah. Sementara itu, ungkapan “tak menyungsang sampan dikayuh” menunjukkan aturan yang mengikut sistem pembinaan tangga yang tidak songsang. Perkara ini memberikan gambaran yang menyeluruh tentang aturan atau perkara lazim yang perlu dipatuhi. Jika tidak dipatuhi, maka akan terjadilah kes “sudah jatuh ditimpa tangga” yang sekali gus menggambarkan perihal buruknya kesan kepada individu yang jatuh.

Kehebatan pemikiran masyarakat Melayu akan lebih terserlah apabila konsep tersebut diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari. Gaya pengikatan dan penyambungan struktur tangga mestilah tepat sama seperti manusia yang berjaya

mengimbangi kehidupannya. Jika tidak mengikut urutan, tangga bukan sahaja akan roboh, malah memudaratkan kerana orang yang jatuh akan ditimpa tangga yang berat. Inilah maklumat falsafah tangga dalam kehidupan dan budaya orang Melayu. Maklumat falsafah dan budaya ini dapat memenuhi ruang mental yang wujud semasa memahami domain abstrak ke domain konkrit. Maklumat ini memberikan jawapan kepada persoalan mengapakah “tangga” dipilih untuk menggambarkan peri beratnya kesan jatuh dan ditimpa pula oleh tangga. Begitu khusus dan telitinya orang Melayu untuk memilih tangga, yang mempunyai ikatan yang kemas dan melihat unsur ergonomiknya supaya tangga itu kukuh dan tidak membawa bencana kepada kehidupan. Maka, terjawablah persoalan tangga menduduki tempat tertinggi dalam hierarki seni bina rumah Melayu. Tangga bukan sahaja sebagai pembuka laluan tetapi juga berkaitan dengan asas ikatan dan pembinaan yang sama pentingnya dengan aturan kehidupan berkeluarga masyarakat Melayu.

Data 2: “NAIK TANGGA DARI BAWAH” – sesuatu yang dilakukan mesti mengikut kelaziman

Data ini juga akan dianalisis pada tiga tahap supaya akal budinya terpancar dan makna khususnya terserlah.

Tahap Pertama – Makna Harfiah

Pengalaman tukang kayu dalam pembinaan tangga mempamerkan banyak perkara baik dan buruk yang boleh berlaku jika kurang cermat membina tangga. Bagi mengelakkan perkara buruk berlaku, nasihat dibentuk melalui peribahasa Melayu. Peribahasa “naik tangga dari bawah” menjelaskan lakuan secara lazim masyarakat Melayu untuk naik ke rumah dengan menggunakan tangga. Abdullah (2007) mengetengahkan makna peribahasa “naik tangga dari bawah” ialah menurut darjat dan kedudukan masing-masing; menurut aturan yang lazim. Konsep tangga sebagai laluan masuk yang memudahkan penghuni dan tetamu memberikan suatu pandangan terhadap aturan. Selain itu, wujud konsep darjat kerana fungsi tangga memberikan perlambangan terhadap individu yang menggunakan tangga. Individu tersebut merujuk sesiapa sahaja yang ingin naik ke atas rumah. Konsep ini membawa makna peribahasa “naik tangga dari bawah”.

Tahap Kedua – Makna Kognitif

Peribahasa ini memaparkan tangga sebagai pelaku yang melakukan perbuatan. Hal ini boleh diertikan melalui fungsi dan kepentingan objek alam benda tersebut.

Interprestasi ini ekstensi kepada penggunaan Metafora RUM berasaskan gambaran metafora secara spesifik MANUSIA ITU OBJEK ALAM BENDA. Oleh hal yang demikian, fungsi objek alam benda diunjurkan sebagai sifat keperibadian manusia. Peribahasa “naik **tangga** dari bawah” yang membawa maksud menurut darjat dan kedudukan masing-masing; menurut aturan yang lazim. Konsep darjat, kedudukan atau aturan menunjukkan penggunaan objek ini sebagai sesuatu yang bersistem atau berperaturan. Pemetaan projeksi terhadap peribahasa ini adalah seperti yang berikut:

Sumber	Pemetaan	Sasaran
naik tangga dari bawah		kemajuan orang yang berusaha meningkatkan darjat rendah

Rajah 4 Pemetaan projeksi “naik tangga dari bawah”.

Merujuk Rajah 4, gambaran fungsi objek alam benda itu (naik) dipetakan kepada kelakuan manusia (kemajuan). Perbuatan ini digambarkan bagi melihat usaha pada diri manusia, manakala gambaran fungsi objek (dari bawah) menunjukkan taraf manusia pada peringkat bawah (rendah) atau boleh dikatakan pada peringkat permulaan. Untuk objek (tangga) dipetakan sebagai (orang yang berusaha meningkatkan darjat). Gambaran darjat itu merujuk kedudukan, peringkat atau rendah, sama ada berada pada tahap kemajuan atau bawahan. Berdasarkan metafora RUM, objek alam benda “tangga” dalam disiplin alam bina mempunyai fungsi aliran beban ke kaki tangga. Beban struktur tangga tidak dialirkan ke struktur rumah yang lain. Di samping itu, sifat “tangga” sebagai penghubung antara tanah dengan rumah memerikan kemudahan untuk manusia keluar dan masuk kerana sambungan pada bendul diletakkan bagi memudahkan struktur tangga rapat dengan pintu rumah. Pengetahuan latar masyarakat menggambarkan peranan tangga sebagai laluan utama seni bina Melayu. Bagi mewajarkan pemetaan projeksi domain sumber kepada domain sasaran, data korpus digunakan. Data korpus yang menjelaskan pertalian kognitif tangga dengan kehidupan masyarakat adalah seperti yang berikut:

... melainkan wajib tiap-tiap anak Melayu mengutamakan perkara ekonominya dahulu, rajin dan usaha, jimat dan cermat, sedar dan senantiasa celik! Itulah yang akan menjadi *****tangga***** buat kita boleh *naik* bukannya sahaja bagi kemajuan kita sendiri tetapi jua bagi memadamkan bunyi-bunyi mulut bocor yang telah terbit dari orang yang banyak emas (harta).

(Saudara, 27 Jun 1931)

Berdasarkan data korpus tersebut, gambaran “naik” merujuk “kemajuan kita sendiri”, iaitu kesan perubahan terhadap diri manusia. Perubahan ini merupakan bukti untuk mengubah perspektif manusia yang berharta dan angkuh terhadap golongan bawahan. Sikap “rajin dan usaha, jimat dan cermat, sedar dan senantiasa celik” pula memberikan gambaran terhadap nilai orang yang berdarjat. Darjat merupakan kedudukan atau aras yang tinggi dalam masyarakat dari pelbagai sudut seperti ilmu, kekayaan, keturunan, dan pengaruh. Ibn Khaldun (2000) menegaskan bahawa Allah SWT memberikan darjat yang tinggi kepada manusia dan membezakan manusia daripada makhluk lain ciptaan Allah SWT melalui kemampuan manusia untuk berfikir supaya manusia dapat mengatur segala tindak-tanduknya dengan baik. Di samping itu, gambaran kemajuan dan kerendahan dapat dilihat menerusi data korpus:

... ini dimisalkan kepada burung dari sini tersimpullah faham bahwa perempuan itu adalah memegang role dan terpenting dalam masyarakat yang telah maju dan yang akan menaiki *****tangga***** *kemajuan*. Belum dapat kita sebutkan suatu bangsa telah maju, bila kaum perempuannya masih terdicir di belakang, kerana hakikat dari kemunduran itu membuahkan cahaya pada masa hadapan ...

(Majalah *Guru* September 1935: pp. 357 – 359)

Melalui data korpus tersebut, ditemukan maklumat kognitif yang dapat dicungkil daripada peribahasa tersebut. Situasinya jelas dengan peningkatan taraf darjat atau status “rendah”, iaitu “kemunduran itu” kepada “kemajuan” sebagai “cahaya pada masa hadapan” dan “memegang *role* dan terpenting dalam masyarakat yang telah maju”. Konteks data korpus ini memberikan gambaran yang jelas tentang sifat “seorang yang berusaha meningkatkan darjat” pada objek alam benda. Nilai yang digambarkan ini menjelaskan kepentingan perubahan dalam hidup manusia untuk meningkatkan darjat atau status yang membawa kebaikan kepada diri sendiri. Seterusnya, gambaran fungsi lakuan objek kompleks “dari bawah” yang dipetakan sebagai “rendah” menunjukkan keperibadian manusia yang masih polos dalam kehidupan. Hal ini dapat diketengahkan sebagai fungsi bahagian tangga di bawah yang memperlihatkan sikap manusia yang hina.

Tahap Ketiga – Semantik Inkuisitif

Pada peringkat ini, masih banyak persoalan yang perlu dirungkaikan. Persoalan seperti “apakah fungsi tangga yang menonjolkan peringkat atau kedudukan”, “mengapakah objek alam benda ini dipilih untuk memerihalkan perubahan yang bersifat ‘kemajuan’”, dan “bagaimanakah pengaruh sosiobudaya memberikan kesan

kepada fungsi “tangga?” Peranan semantik inkuisitif menjawab persoalan dan mewajarkan keperihalan objek yang dipilih terhadap gambaran darjat, iaitu rendah dan kemajuan. Pertama, tangga sebagai gambaran darjat atau status, iaitu melihat fungsi tangga yang berperanan penting dalam seni bina Melayu. Tangga berfungsi sebagai laluan dari tanah ke dalam rumah dan memudahkan urusan keluar masuk rumah (Zulkifli, 1996). Bentuk tangga bergantung pada fungsi dan keperluannya, di samping mengambil kira aspek ergonomik pengguna. Kebanyakan rumah Melayu tradisional mempunyai tiga tangga, iaitu tangga utama, tangga rumah ibu, dan tangga pelantar. Tangga utama dikhaskan untuk tetamu, tangga rumah ibu adalah sebagai laluan tidak formal untuk kegunaan harian, dan laluan tetamu wanita dan sanak saudara terdekat. Tangga ketiga yang terletak di bahagian pelantar pula merupakan laluan serbaguna. Orang Melayu mempercayai bahawa kebaikan dan keburukan penghuni bergantung pada laluan ini kerana tangga diberikan perhatian dari segi pembinaan dan nilai spiritualnya.

Pada peringkat ini hubungan objek tangga dengan makna peribahasa akan diteroka bagi mencungkil akal budi Melayu. Tenas (1985) menegaskan pandangan beliau terhadap tangga:


Leher berpangguk pada bendul
Kepala bersandar di jenang pintu
Anak bersusun tingkat bertingkat
Tempat adat meningkat naik
Tempat pusaka melangkah turun
Tempat mengisik-ngisik debu
Tempat membasuh-basuh kaki

Melalui ungkapan ini, gambaran terhadap “bahagian tangga bawah” merupakan tempat “mengisik-ngisik debu” dan “membasuh-basuh kaki”. Tingkah laku ini memberikan gambaran kotor dan hinanya tentang debu pada tapak kaki yang boleh dikaitkan dengan sesuatu yang kotor dan bertaraf bawahan. Situasi ini memperlihatkan sikap manusia yang polos yang memerlukan nilai tambah untuk diri sendiri. Al-Ghazali (1939) menyifatkan ilmu pengetahuan ialah ilmu yang mampu meninggikan martabat manusia dan memberikan nilai tambah yang berkesan untuk membina kekuatan dalam jiwa manusia. Oleh itu, konsep yang diterapkan menerusi senario perubahan darjat atau status yang selalu bermula dari bawah ke atas boleh dianggap sebagai kemajuan manusia.

Perbezaan status seseorang “yang menaiki tangga tertentu” amat jelas dengan

mengambil kira hubungan dan tujuan. Pembahagian tiga jenis tangga ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu sangat berhati-hati untuk menerima tetamu. Tangga utama yang memerihalkan laluan tetamu lelaki yang mempunyai hajat tertentu seperti hal ehwal perkahwinan (merisik, bertunang, akad nikah dan persandingan), aktiviti keagamaan dan majlis keramaian (perayaan). Fungsinya berbeza daripada tangga ibu dan tangga pelantar. Selain itu, pembinaan tangga menunjukkan perbezaan dari segi struktur komponennya, iaitu anak tangga, paha tangga, pelapik tangga, dan bendul. Anak tangga berperanan untuk menyokong beban manusia. Oleh sebab itu, kekuatan dan aliran beban perlu diatur dengan baik supaya tidak memberikan kerosakan kepada struktur tersebut seperti yang diungkapkan oleh Tenas (1985):

Pangkal kayu di sebelah kanan
Ujung terletak di sebelah kiri
Tak bersilang adik beradik
Tak menyungsang sampan dikayuh



1 Tangga rumah Melayu lama.
(Sumber: <http://www.memori-kedah.com>)

Tak terkejut tengah malam
 Tak tergepar orang di banjar.

Maksud ungkapan ini menunjukkan bahawa pentingnya memilih kayu yang kuat dan utuh untuk membina anak tangga. Secara umumnya, pangkal kayu memiliki ketumpatan yang keras dan padat, manakala hujung kayu pula dianggap ringan dan kurang padat (Jon Herianta Ginting *et al.*, 2012). Oleh hal yang demikian, pengaliran beban manusia yang dilepaskan melalui kaki kanan pada pangkal dapat dialirkan dengan seimbang kerana pemindahan beban dialirkan kepada hujung kayu (Jon Herianta Ginting *et al.*, 2012). Beban manusia selalunya akan dialirkan di sebelah kanan bagi memberikan tekanan kepada lakuan untuk menaiki tangga. Perkara ini diketengahkan supaya tidak memberikan kesan kepada tetamu yang hadir seperti terjatuh, atau anak tangga terputah. Hal ini bertepatan dengan tuntutan agama Islam yang mendidik masyarakat Melayu supaya memasuki rumah dengan kaki kanan.

Seterusnya, paha tangga berperanan sebagai penyokong keseimbangan anak tangga untuk mengalirkan beban kepada kaki tangga “asas”. Anak tangga akan diikat atau ditebuk (tanggapam tebuk) pada paha tangga. Pelapik tangga pula mempunyai fungsi permulaan untuk memasuki rumah, selalunya diperbuat daripada batu granit dan konkrit yang menjadi asas pengukuhan struktur tangga (Zulkifli, 1996). Bendul pula merupakan kerangka yang menghubungkan tangga dengan lantai rumah. Oleh itu, penonjolan nilai status atau darjat yang ditonjolkan diteliti dengan melihat peranan tingkat anak tangga untuk memahami falsafahnya seperti ungkapan Tenas (1985):

Anak tangga bersusun lima
 Lima rukun di dalamnya
 Anak tangga bersusun enam
 Enam pula kandungannya
 Yang sesuai menurut syarak
 Yang lulus menurut kitab
 Yang pertama pemberi salam
 Yang kedua pengisik debu
 Yang ketiga pelepas penat
 Yang keempat peninjau laman
 Yang kelima pijakan adat
 Yang keenam gantung-gantungan

Anak tangga tersebut mempunyai fungsi yang berbeza-beza, sama seperti

peranan dan tanggungjawab manusia dari bawah hingga memasuki rumah. Dari segi falsafahnya, semakin tinggi anak tangga dinaiki, semakin berat tanggungjawab yang dipikul. Tatacara memasuki rumah Melayu dengan adabnya yang tersendiri mencerminkan nilai hormat yang tinggi terhadap tuan rumah (Mohamad Tajuddin *et al.*, 2004).

Pemberian salam menunjukkan tingkah laku untuk memberitahu tuan rumah bahawa tetamu berada di luar rumah. Apabila tuan rumah mengizinkan untuk naik ke rumah, kaki perlu dicuci supaya kotoran dan debu hilang kerana masyarakat Melayu dahulu hanya berkaki ayam dan terdapat kotoran pada kaki (Azhar, 2014). Orang Melayu sangat menitikberatkan kebersihan dan kesucian di dalam rumah untuk menghindarkan segala perkara kotor memasuki rumah seperti sihir atau bala yang boleh memberikan kesan kepada penghuni rumah. Anak tangga ketiga sebagai pelepas penat, diikuti dengan peninjau laman bagi melihat suasana sekeliling sekiranya ada haiwan atau musuh yang datang. Melangkah pada anak tangga kelima, tetamu berpijak pada adat, iaitu peraturan atau perkara lazim yang perlu dilakukan dengan teratur dan baik. Akhir sekali, gantung-gantungan yang merujuk perolehan atau pendapat yang diusulkan dengan adanya budi bicara antara tuan rumah dengan tetamu. Darjat ini dipaparkan dengan nilai perubahan daripada memiliki sifat rendah, iaitu wujudnya debu yang perlu dibasuh dan dibersihkan pada kaki sehingga menetengahkan hajat dengan mengikut adat Melayu kepada tuan rumah. Perbezaan status pada tahap bawah berubah dengan mengikut beberapa penilaian, dan diterima dengan baik oleh tuan rumah.

Perkaitan ini jelas apabila orang Melayu sangat menghormati dan menerima tetamu dengan baik. Kedatangan agama Islam ke rantau Nusantara membentuk masyarakat Melayu yang mengutamakan layanan mesra kepada tetamu. Menurut Muhammad (2007), tetamu dianggap “istimewa” kepada tuan rumah kerana sesebuah rumah yang sering dikunjungi tetamu akan dimurahkan rezeki (Mohamed Taib, 2004). Perkara ini menyebabkan masyarakat Melayu tradisional berpegang pada pepatah *lemak daging kepada orang, urat jangat kepada kita* yang merujuk keistimewaan layanan, budi bahasa dan tanda hormat tuan rumah kepada tetamu yang berkunjung ke rumahnya sehingga sanggup beralah untuk keperluan diri sendiri demi keselesaan tetamu (Muhamad Din, 1957). Menerima tetamu juga dapat dilihat sebagai penghormatan kepada tuan rumah untuk menyemai nilai budi yang dikaitkan dengan nilai orang yang menabur budi dan orang yang terhutang budi, (Sadinah, 1985).

Oleh itu, ungkapan “naik tangga dari bawah” jelas menunjukkan cara seseorang boleh mengubah darjat atau status bergantung pada tanggungjawab yang sanggup

dipikulnya. Bermula dari bawah, iaitu berusaha membersihkan niat sehingga sanggup memikul tanggungjawab, pasti akan mampu meningkatkan darjat seseorang. Berdasarkan analisis, semantik inkuisitif berjaya mengaitkan hubungan antara tangga dengan falsafah kejayaan, iaitu bermula dari bawah dengan asas yang kukuh kemudian melangkah ke atas dengan mengikut aturan. Dengan kata lain, adat tetamu bertandang dinilai dari mula melangkah tangga sehingga memasuki rumah yang akhirnya dilayan dengan baik oleh tuan rumah jika mengikut aturan dan adat yang ditetapkan. Ungkapan peribahasa “naik tangga dari bawah” bukan sahaja menepati adat Melayu, malahan memenuhi tuntutan Islam agar orang Melayu menjadi manusia yang pandai membawa diri dan teratur hidupnya.

KESIMPULAN

Semantik inkuisitif yang diadun bersama-sama pragmatik dan semantik menjadikan kajian ini bersifat multidisiplin. Kajian seni bina yang dikupas berdasarkan peribahasa mampu menggambarkan perkaitan antara ilmu dengan seni berbahasa. Jelasnya, falsafah seni bina Melayu dapat dicungkil dengan mendalam dan memberikan kefahaman terhadap falsafah yang terkandung dalam peribahasa yang menggunakan objek “tangga” untuk menggambarkan darjat dan usaha manusia untuk maju. Akal budi Melayu jelas tergambar melalui objek tangga yang dipilih tetapi bukannya struktur lain seperti bumbung atau tiang untuk menjelaskan tentang adab, usaha dan bencana. Kajian yang menarik ini boleh dilanjutkan dengan struktur rumah yang lain seperti tiang, bumbung, gelegar, tiang, lantai, tingkap, dan seterusnya. Pasti setiap struktur ini mempunyai falsafahnya seiring dengan budaya kehidupan masyarakat Melayu, malah pada masa yang sama terserlahnya kebijaksanaan atau akal budi Melayu mencipta peribahasa.

RUJUKAN

- Abdullah Hussain. (2004). *Kamus istimewa peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hussain. (2007). *Kamus istimewa peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Munsyi. (1938). *Bahwa ini kisah pelayaran `Abdullah bin `Abdul Kadir Munsyi dari Singapura sampai ke Kelantan*. Singapura: Press of the American Mission.
- Ariffin Nur. (1959). *Rangkaian sastera Melayu*. Kota Bahru: Pustaka Aman Press.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Alam dan pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Kamaruddin. (2014). *Siri sejarah rumah tradisional: Rumah tradisi Johor dan Pahang*. Kuala Lumpur: Penerbitan D E.

- Azhar M. Simin. (1993). *Sintaksis wacana 'yang' dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya*. Sungai Ramal Dalam: Akademik Kajian Ketamadunan.
- Hassan Ahmad. (2016). *Bahasa dan pemikiran Melayu: Pesan terakhir pejuang bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hishamudin, & Mashetoh. (2015). Memahami pemikiran Melayu melalui pemingkai makna lexis darah dalam peribahasa. *Jurnal Melayu*, 14(2), 190 – 201.
- Hishamudin, & Nor Diyana. (2012). Kekayaan unsur anthropomorphisme dalam lagu dikir: Analisis berasaskan linguistik kognitif. *Jurnal Rampak Serantau*.
- Ibanez-Moreno, A. (2005). An analysis of the cognitive dimension of proverb in English and Spanish: The conceptual power of language reflecting popular beliefs. *SKASE Journal of Theoretical Linguistic*, 2(1), 45 – 54. Retrieved from <http://www.skase.sk/Volumes/JTL02/moreno.pdf> at 30 Mei 2014.
- Ibn Khaldun. (2000). *Mukaddimah Ibn Khaldun*. (Trans.). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Imran Ho Abdullah. (2011). Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing (*canis familiaris*). *Gema Online™ Journal of Language Studies*, 11(1), 125 – 141. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/71> at 30 Mei 2014.
- Janis Taurens. (2008). 'Meaning' and 'context' in the Language of Architecture. Eva Naripea, Virve Sarapik, & Jaak Tomberg (Eds.), *KOHT ja Paik/ Place and Location Studies in Environmental Aesthetic and Semiotics VI* (pp. 71 – 82). Retrieved from http://www.eki.ee/km/place/pdf/kp6_05_t aurens.pdf at 21 April 2017.
- Jon Herianta Ginting, Yunus Afiffudin, & Luthfi Hakim. (2012). Sifat fisis dan keawetan alami kayu pengkih terhadap serangan rayap tanah (*Macrotermes gilvus*). *Journal Peromena Forestry Science*, 1(1), 1 – 6. Retrieved from <https://jurnal.usu.ac.id/index.php/PFSJ/article/view/583> at 11 November 2017.
- Julaina, Nor Hashimah, & Juaini. (2017). Elemen dualisme dalam peribahasa: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(1), 66 – 88. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/312116040_ELEMEN_DUALISME_DALAM_PERIBAHASA_PENDEKATAN_SEMANTIK_INKUISITIF Elements_of_Dualism_in_Malay_Proverbs_An_Inquisitive_Semantics_Approach at 1 Mei 2017.
- Junaini Kasdan. (2015). Unsur asam dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif. Paper presented at Seminar Meja Bulat Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur. ATMA: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaini, Nor Hashimah, & Wan Nurasikin. (2016). Ikan (pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of The Malay World and Civilization (Iman)*, 4(1), 31 – 42. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/305125313_Ikan_Pisces_dalam_Peribahasa_Melayu_Analisis_Semantik_Inkuisitif.com at 24 Oktober 2017.
- Krikman. A. (2007). The great chain of being as the background of personificatory and

- depersonalizing metaphors in proverb and elsewhere. Paper presented at 1st Interdisciplinary Colloquium on Proverb L Tavira (Algarve) Portugal. Retrieved from http://www.folklore.ee/~kriku/PARINTRO/MEMO_Chain.pdf at 31 Mei 2014.
- Majalah Guru* September 1935 (pp. 357 – 359).
- M. Surat, M. A. Baharum, I.M.S Usman, A. R. Musa, & N. M Tawil. (2012). Mengenal pasti tahap kesejahteraan seni bina warisan Melayu melalui konsep Islam. *Journal Design + Built*, 5(1), 1 – 11. Retrieved from <http://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/47> at 20 November 2017.
- Mohamad Hanif, Shamsidar, Mawar, & Abu Bakar. (2015). Malay furniture: Design, function and meaning. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 202, 285 – 293. Retrieved from https://ac.els-cdn.com/S1877042815048806/1-s2.0-S1877042815048806-main.pdf?_tid=069f7fbe-eb6a-11e7-8d21-00000aab0f01&acdnat=1514422807_635e9b3b658a5aeed78db904cd6bdc6 at 20 November 2017.
- Mohamed Taib Osman. (2004). *Adat resam masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Mohd. Firrdhaus. (2016). Rumah tradisional Melayu: Antara seni, sains dan realiti. *Majalah Sains*. Retrieved from <http://www.majalahsains.com/rumah-tradisional-melayu-antara-seni-sains-kuno-realiti/> at 17 Ogos 2017.
- Mohd. Yusof Abdullah. (2012). *Warisan seni bina Melayu Terengganu*. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Muhamad Din Ali. (1957). *Pepatah adat Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Muhamad Fadzllah. (2017). Analisis pemetaan semantik unsur flora dan fauna dalam pantun Melayu: Satu tinjauan awal. *Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu*, 4(1).
- Muhamad Suhaimi Musa, Anuar Talib, & Mohd Dani Mohamad. (2011). Undang-undang Islam, adat, dan reka bentuk rumah Melayu tradisional. Paper presented at Seminar Warisan Nusantara dan Bicara Kraf Nusantara, Universiti Malaysia Sabah. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/281067350_Undang-undang_Islam_adat_dan_rekabentuk_rumah_Melayu_tradisional at 19 November 2017.
- Muhamad Tajuddin, Kamaruddin, Syed Ahmad Iskandar, Ra’alah, & Gurupiah. (2004). *Warisan seni bina Melayu rumah-rumah tradisional*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Harun. (2007). *Adat dan budaya masyarakat Melayu*. Pahang: Mutiara Ilmu.
- Nangkula, Kamarul Afizi. (2009). Tipologi reka bentuk masjid tradisional di Indonesia. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu (SARI)*, 27(2), 229 – 245.
- Noor Faizah Aziz, Jamaluddin Md. Jahi, Kadir Arifin, & Aziz Ujang. (2014). Pengaruh adat resam, kepercayaan dan kebudayaan terhadap pembinaan rumah Melayu Tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilization (Iman)*, 2(2), 105 – 111.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Nadia Muhammad, & Sabariah Md. Rashid. (2014). Cat metaphors in Malay and English proverb. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 118(2014), 335 – 342.

- Retrieved from <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042814015766> at 1 Januari 2017.
- Othman Yatim, & Abdul Halim Nasir. (2000). Seni bina Melayu Islam: Pengaruh agama. In Mohd. Taib Osman, & A. Aziz Deraman (Eds.), *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Yatim. (2013). Rumah-rumah Melayu tradisional: Manifestasi kearifan tempatan. In Nazarudin, Rahimah, & Mohd. Kipli (Eds.). *Kearifan tempatan: Pengalaman Nusantara. Berasal dari Akar* (Vol. 1) (pp. 43 – 59). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Panther, K. U. & Thornburg. (2003). *Metonymy and pragmatic inferencing*. Amsterdam: John Benjamins.
- Robert G. Hershberger. (1975). Architecture and meaning. *The Journal of Aesthetic Education*, 4(4), 37 – 55. Retrieved from https://www.jstor.org/stable/3331285?seq=1#page_scan_tab_contents at 10 Mei 2017.
- Ruiz de Mendoza Ibanez, F. J. (1999). *From semantik undertermination via metaphor to conceptual interaction*. Essen: LAUD 492.
- Saidatul Normis, & Mohd. Rasdi. (2013). Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa Orang Semai. *Gema Online™ Journal of Language Studies*, 13(1), 83 – 98. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/2224> at 2 Mac 2016.
- Saudara* 1937: 9.
- Simitch, Andrea, & Warke, Vol. (2014). *The language of architecture*. Beverly: Rockport Publishers.
- Siti Norlizaiha Harun, & Azira Ibrahim. (2011). Struktur ruang dan elemen persekitaran rumah Melayu tradisi di Kelantan. *Jurnal Perspektif*, 3(2), 12 – 26. Retrieved from http://www.myjournal.my/filebank/published_article/30517/9.PDF at 12 Oktober 2017.
- Siti Norlizaiha Harun. (2005). Perkembangan sejarah dan pengaruh ke atas seni bina di Malaysia: Sebuah tinjauan ringkas. *Buletin Perancang*. JPBD: UiTM Perak.
- Tan, B. T. (2000). *Teknologi binaan bangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tenas Effendi. (1985). Lambang-lambang dalam seni bangunan tradisional sebagai refleksi nilai budaya Melayu. Paper presented at Seminar Kebudayaan Melayu Tanjung Pinang.
- Waterson. R. (1990). *The living house: An anthropology of architecture in Southeast Asia*. Singapura: Oxford University Press.
- Yaakub Idrus. (1966). *Rumah tradisional Negeri Sembilan: Satu analisis seni bina Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Zaitul Azma, & Ahmad Fuad. (2011). *Peribahasa Melayu: Penelitian makna dan nilai*. Serdang: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zubaidah Ibrahim (Trans.). (2007). *Perihal orang Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zulkifli Hanafi. (1996). *Pembinaan bangunan tradisional Melayu*. Kulim: Amber Solara Press.

Diperoleh (*Received*): 12 Oktober 2018

Diterima (*Accepted*): 5 Disember 2018